



Amirudin dan Siti Mariah ketika sidang akhbar hari ini. - Foto oleh ZULFADHLI ZAKI

## Tindakan tatatertib penjawat awam enggan vaksin

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED | 7 Oktober 2021, 2:16 pm

SHAH ALAM – Kerajaan Selangor akan mengambil tindakan tatatertib ke atas penjawat awam yang enggan menerima suntikan dos vaksin Covid-19 di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, keputusan itu dibuat selepas menerima nasihat dan taklimat oleh Penasihat Undang-Undang negeri semalam.

"Kita akan melaksanakan tindakan tatatertib kepada mana-mana penjawat awam yang secara sengaja atau tidak mahu menerima suntikan vaksin."

"Bentuk tindakan itu bagaimanapun akan ditentukan pihak jawatankuasa terlibat kelak mengikut klausu biasa yang ditetapkan," katanya pada sidang akhbar di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, hari ini.

Jelas Amirudin, bentuk tindakan itu termasuk bermula daripada amaran, pemotongan (gaji) sehingga tindakan pemberhentian.

"Bagaimanapun, mereka yang mempunyai alasan klinikal atau kesihatan oleh pakar berkaitan dikecualikan tindakan," ujarnya. -K! ONLINE